

# Program Raksi Sebagai Wadah Penerapan Nilai-nilai Murni di KUKTEM

Paridah Mohd Ali  
Hal Ehwal Pelajar dan Alumni  
Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)  
Karung Berkunci 12,  
25000 Kuantan, Pahang  
paridahmdali@kuktem.edu.my

Haslinda Hj Hashim  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)  
Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)  
Karung Berkunci 12,  
25000 Kuantan, Pahang  
Tel: +6095492466, Faks: +609 549 2477  
Laman web: <http://www.kuktem.edu.my/>  
haslinda@kuktem.edu.my

**Abstrak:** Sebagai sebuah universiti baru, pihak Hal Ehwal Pelajar dan Alumni di KUKTEM telah mengambil inisiatif untuk menjalankan satu program khas bagi menerapkan nilai-nilai murni dan juga menjana bakat kepimpinan di kalangan siswa dan siswi. Pendekatan yang diambil ini adalah selaras dengan saranan kerajaan untuk melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik bahkan turut cemerlang dalam ko-kurikulum dan sahsiah. Sokongan yang cukup padu juga diterima daripada pihak pengurusan tertinggi bagi membolehkan program ini dijalankan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni dengan kerjasama Unit Soft Skill dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan secara terancang pada setiap hari Selasa malam. Pengisian modul-modul ini dibina sendiri oleh jawatankuasa yang telah dilantik merangkumi para pegawai Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, pensyarah-pensyarah mahupun pegawai daripada unit/fakulti yang terdapat di KUKTEM yang berpaksikan kepada nilai-nilai teras universiti dan nilai-nilai murni. Meskipun program RAKSI ini menyerupai program mentor mentee yang sering dijalankan, pendekatan yang diambil agak berbeza dimana penglibatan pelajar senior dan juga kakitangan universiti sebagai pemudahcara kepada pelajar-pelajar baru. Berdasarkan kepada kajian ringkas terhadap 500 orang responden tentang keberkesanan Program RAKSI dalam pembangunan sahsiah pelajar-pelajar di KUKTEM, hasil kajian menunjukkan peratusan yang menggalakkan tentang keyakinan mereka terhadap program ini. Kertas kerja ini akan membincangkan bagaimana RAKSI boleh membantu meningkatkan kemahiran Soft Skills di kalangan pelajar KUKTEM.

**Kata kunci:** *Soft Skills*, RAKSI, nilai-nilai murni.

## 1. PENDAHULUAN

**” Kecemerlangan, kegemilangan dan keterbilangan kita akan muncul jika sekiranya kita menjadi satu bangsa yang berperkerti mulia, berbudi tinggi dan berbahasa baik.....Pembangunan modal insan menjadi sangat penting kepada negara pada masa depan dan mereka ini mestilah berkualiti, kualiti bukan sahaja dari segi pendidikan, kepakaran...tetapi juga dari segi nilai moral yang tinggi, bertanggungjawab dan mengutamakan nilai-nilai murni dalam kehidupan.”**

**(Seruan Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa Pelancaran Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni pada 11 Januari 2005 bertempat di Istana Negara)**

Pembentukan dan pembangunan modal insan ini bukanlah sesuatu isu yang mudah atau boleh dipandang enteng dengan dipertanggungjawabkan kepada satu-satu pihak sahaja. Akan tetapi banyak pihak seperti institusi kekeluargaan, institusi pendidikan sama ada pendidikan

rendah, menengah mahupun institut pengajian tinggi, jiran tetangga dan lain-lain yang perlu dilibatkan secara langsung dan tidak langsung dalam memastikan pembangunan modal insan ini dapat dicapai demi kepentingan negara. Bagi merealisasikan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni, satu pelan tindakan pelaksanaan secara bersepadu, perkongsian pintar dan tanggungjawab sosial telah disusun yang melibatkan beberapa kementerian dan agensi kerajaan di samping lain-lain badan bukan kerajaan, sektor swasta dan persatuan masyarakat. Jelas kelihatan di sini, Universiti sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi dalam Kementerian Pengajian Tinggi adalah sangat berperanan untuk membentuk pelajar agar dapat mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Negara iaitu melahirkan pelajar yang seimbang dari segi intelek, emosi, sahsiah, rohani dan fizikal dan menerapkan dan mengamalkan budi bahasa dan nilai-nilai murni seperti yang diwar-warkan dalam kempen tersebut. Maka dengan itu, pembangunan pelajar di institusi pengajian tinggi bukanlah berasaskan kepada kecemerlangan mereka dalam bidang akademik sahaja malahan mereka juga perlu cemerlang dalam kurikulum, sahsiah dan nilai-nilai murni seperti yang hangat diperbincangkan di dalam Rancangan Malaysia ke 9 iaitu untuk membangunkan modal insan yang mempunyai mentaliti minda kelas pertama.

Konsep nilai ini dapat kita ertikan sebagai satu konsep yang dijadikan asas oleh masyarakat untuk menilai, mengukur atau membuat pilihan serta keputusan terhadap suatu perkara darjat, mutu, kualiti taraf perilaku mengenai benda, seseorang atau kelompok orang sebagai baik berharga dan bernilai. Umumnya nilai-nilai murni ini yang diterima dan diamalkan oleh masyarakat Malaysia merentasi individu, kekeluargaan, masyarakat dan kenegaraan iaitu nilai-nilai sejagat yang dituntut oleh agama, kepercayaan, adat resam dan kebudayaan. Dalam konteks di Institut Pengajian Tinggi, penglibatan pelajar dalam aktiviti anjuran Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni meliputi aktiviti sukan dan rekreasi, aktiviti kelab dan persatuan, pidato, penganjuran seminar-seminar dan latihan juga diambilkira sebagai kayu pengukur dalam *Soft Skills* yang amat mementingkan penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni ini. *Soft Skills* adalah satu kemahiran keinsanan yang berhubung dengan pembangunan personaliti yang baik, profesional, berintegriti dan berupaya berinteraksi dengan berkesan ke arah penyediaan tenaga profesional yang menjadi agen pembentuk dan pembangun masyarakat. Ini kerana bidang teknikal dan perindustrian kini amat memerlukan bakal pekerja yang berketrampilan dalam bidang yang berkaitan dan mempunyai personaliti yang baik iaitu mengamalkan nilai-nilai murni dan juga sangat berdaya saing. Terdapat lima elemen utama yang ditekankan oleh *Soft Skills* dalam konsep ketrampilan iaitu kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berkumpulan, nilai-nilai positif, kemahiran komunikasi dan kemahiran keupayaan pembelajaran.

Faktor kewibawaan graduan yang sering dipertikaikan hari ini adalah akibat ketidaktrampilan mereka dalam aspek *Soft Skills*. Penglibatan mereka dalam aktiviti ini akan diberikan markah untuk menunjukkan sejauhmana pencapaian yang telah mereka lalui. Dalam aspek penglibatan pelajar dalam salah laku dan pelanggaran disiplin pula, pelajar-pelajar yang melakukan pelanggaran disiplin universiti yang tertentu menunjukkan prestasi mereka yang rendah dalam *Soft Skills*. Pelajar yang melakukan pelanggaran disiplin seperti terlibat dalam pergaduhan, membawa barangan lucas ke kampus, melanggar peraturan asrama dan seumpamanya akan menyebabkan mereka tidak terampil dalam *Soft Skills*. Pelajar yang melakukan pelanggaran ini tidak hanya akan dikenakan tindakan tata tertib, bahkan mereka akan dibimbing untuk memperbaiki tingkahlaku mereka melalui program bimbingan klinik

*Soft Skills* yang dilaksanakan. Kertas kerja ini akan cuba mengenengahkan bagaimana program RAKSI sebagai medium untuk mendedahkan pelajar kejuruteraan KUKTEM kepada nilai-nilai positif dan elemen *Soft Skills* yang lain. RAKSI juga amat berpotensi untuk memberikan peluang kepada pelajar untuk mengenal potensi diri mereka sekaligus sentiasa dapat menggunakan kekuatan di dalam kehidupan mereka samada di kampus mahupun apabila mereka memasuki alam pekerjaan kelak.

## 2. KONSEP PERLAKSANAAN RAKSI DI KUKTEM

Sejarah awal penubuhan Rakan Siswa (RAKSI) ini bermula pada tahun 2003 apabila Mantan Rektor KUKTEM iaitu Prof. Dato' Dr. Abu Azam Md Yasin yang melihat peripentingnya kewujudan satu program yang boleh mendidik para pelajar di KUKTEM terutama sekali bagi para pelajar baru agar dapat mengadaptasikan kehidupan mereka dan menggilap potensi yang ada sebaik mungkin di universiti. Ini sejajar dengan misi, visi dan 5 nilai teras universiti yang menekankan perkara-perkara positif dalam kehidupan sama ada sebagai seorang pelajar mahupun kakitangan di KUKTEM. Maka matlamat program RAKSI pada ketika itu ialah untuk membentuk mahasiswa yang cemerlang dari sudut nilai dan akhlak. Dalam erti kata yang lain, penubuhan program RAKSI ini bukan sahaja memenuhi tuntutan negara ke arah melahirkan mereka yang mempunyai nilai-nilai murni yang baik malahan hubungan dengan Tuhan juga dititikberatkan dengan adanya modul Bengkel Penerapan Ibadah dan Moral. Ini kerana berdasarkan realiti sebenar, kemerosotan sahsiah para pelajar di Institut Pengajian Tinggi adalah berpunca daripada budaya ikut-ikutan yang dibawa oleh pelajar-pelajar senior yang terdiri dari pelbagai latar belakang keluarga dan daerah / negeri . Selain itu, komposisi pelajar yang berbilang bangsa dan agama dan penggunaan internet secara wireless telah mengubah cara hidup pelajar-pelajar baru ini terutamanya di KUKTEM sendiri. Maka, dengan penubuhan program RAKSI ini, sedikit sebanyak pelajar – pelajar yang baru mendaftar ini dapat diberikan pendedahan yang positif agar dapat membentuk nilai-nilai murni yang positif dalam kehidupan di kampus dan akhirnya akan dibawa ke alam pekerjaan pula.

Program RAKSI ini telah dilaksanakan berdasarkan cadangan modul daripada para pegawai yang dilantik untuk menggubal modul. Modul-modul yang dibina ini adalah berfokuskan kepada pengenalan kepada potensi diri dan penghayatan nilai-nilai murni. Pada semester pertama pengajian sebanyak 7 modul dibina yang berkait antara kenali diri dan tanggungjawab mereka kepada ibubapa, masyarakat, bangsa dan negara. Manakala dalam semester yang kedua pula beberapa konsep nilai-nilai murni disemai dalam diri pelajar agar penghayatan itu dapat dikekalkan sehingga mereka keluar bersama masyarakat apabila mereka melangkah ke dunia pekerjaan masing-masing. Sila rujuk Jadual 1. .

Jadual 1 : Modul-modul yang dibina untuk RAKSI

SEMESTER 1	SEMESTER 2
<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Ice breaking</li> <li>○ Manusia Sebagai Khalifah(Kenali Diri)</li> <li>○ Potensi Diri</li> <li>○ Gigih untuk Berubah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Amanah dan Jujur</li> <li>○ Kasih Sayang</li> <li>○ Tanggungjawab /Dedikasi</li> <li>○ Tawakal (Dependability)</li> </ul>


<ul style="list-style-type: none"><li>○ KUKTEM Idaman</li><li>○ Rakan Yang Baik</li><li>○ Kem Ibadah / Pemantapan Moral</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>○ Bersatu Kita teguh</li><li>○ Rajin</li><li>○ Kem Ibadah / Pemantapan Moral</li></ul>
---	--

Satu modul yang boleh dijadikan contoh ialah Modul Potensi Diri dalam Semester Pertama. Objektif modul ini ialah melalui program ini, pelajar akan dapat mengenali potensi diri dan keupayaan diri mereka agar sentiasa bersikap cemerlang dengan menggunakan potensi diri sebaik – baiknya serta lebih memahami konsep dan ukuran kejayaan serta kegagalan dalam hidup. Pendekatan yang dilakukan dalam modul ini adalah perbincangan, menonton tayangan video mengenai kelahiran manusia dan perkongsian cerita antara ahli kumpulan mengenai potensi yang mereka ada. Daripada perkongsiaan tersebut, nilai murni seperti bersyukur atas nikmat hidup dan kesempurnaan diri dapat disemai di kalangan para pelajar. Maka kecenderungan para pelajar ini untuk melihat kehidupan di dunia ini sebagai tanggungjawab sosial kepada orang lain sehingga menggerakkan mereka untuk terus berusaha dan tidak bertentangan dengan kehendak agama. Mereka juga merasakan kehidupan sebagai ibadah dan bercita- cita untuk menjadi manusia yang mempunyai sumbangan yang banyak kepada masyarakat, negara dan agama.

Dalam erti kata lain, semua pelajar Tahun Satu diwajibkan menghadiri program RAKSI ini selama 2 semester. Setiap kali perjumpaan RAKSI adalah selama 2 jam yang diisi dengan 7 perjumpaan wajib diadakan antara fasilitator dan pelajar manakala pertemuan tidak formal adalah sangat digalakkan antara mereka agar pelajar-pelajar baru ini dapat dibantu. Yang menariknya, penyertaan fasilitator staf iaitu di kalangan akademik dan bukan akademik juga fasilitator pelajar ini adalah secara sukarela dan tidak mendapat apa-apa imbuhan kecuali sijil penghargaan daripada KUKTEM sahaja. Maka di sini konsep kesukarelawan telah ditonjolkan di kalangan kakitangan KUKTEM dan pelajar-pelajar senior ini agar dapat menjadi contoh yang baik kepada pelajar-pelajar baru ini untuk menabur bakti kepada orang lain. Untuk memastikan kelancaran program ini pula satu Jawatankuasa Induk RAKSI ditubuhkan dalam memantau kehadiran dan perjalanan program. Kehadiran para pelajar akan dicatat oleh fasilitator dan dikumpulkan untuk dihantar kepada Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) sebagai *owner* yang akan memantau perjalanan program ini sekaligus merekodkan kedisiplinan pelajar sebagai sebahagian daripada syarat kelulusan para pelajar untuk lulus UHS1011 (*Soft Skills* 1).

### 3. KAEDAH PERLAKSANAAN RAKSI DI KUKTEM

## JAWATANKUASA INDUK RAKSI



Rajah 1: Kerangka Pelan Pelaksanaan Program RAKSI KUKTEM

Satu jawatankuasa induk telah dilantik yang dinaungi oleh Dekan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan dipengerusikan oleh Pengetua Kolej Kediaman KUKTEM. Fasilitator Staf yang terlibat adalah dikalangan para felo Kolej Kediaman KUKTEM, pegawai-pegawai Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni KUKTEM dan juga pegawai-pegawai dari jabatan/unit lain di KUKTEM dan tidak dihadkan hanya kepada pegawai akademik sahaja. Penyertaan mereka adalah secara sukarela. Cara pengagihan kumpulan adalah berdasarkan fakulti masing-masing. F1 ditanda sebagai Fasilitator Staf dimana terdapat 2 hingga 3 orang fasilitator pelajar iaitu F2 yang berada dalam jagaan fasilitator tersebut. Perjumpaan di kalangan F1 dan F2 diaturkan 2 atau 3 kali perjumpaan sepanjang semester bagi membincangkan masalah atau isu yang timbul dalam kumpulan di samping modul-modul yang telah dibina. Setiap F2 akan mengendalikan kumpulan seramai 10 hingga 15 orang pelajar baru yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.

Dalam pelaksanaan program RAKSI ini penghayatan nilai-nilai murni bukan sahaja dalam modul yang dibina akan tetapi hubungan yang berlaku dalam RAKSI itu sendiri juga memainkan peranan dalam menerapkan nilai-nilai murni dengan wujudnya interaksi dua hala antara para pelajar sesama mereka dan antara pelajar dengan fasilitator staf dan fasilitator pelajar. Mereka ini diajar untuk membiasakan diri untuk mengucapkan salam atau ucap selamat sesama rakan, menghargai perbezaan beragama, latar belakang masyarakat dan budaya masing-masing. Dalam memberikan pendapat atau pandangan dalam program RAKSI, mereka

akan menghormati dan menghargai idea, fikiran dan pendapat serta hak milik rakan sebaya mereka. Kerjasama dan saling membantu antara satu sama lain juga diterapkan dalam kumpulan dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian seperti menghormati hak dan privasi orang lain, tidak mengganggu suasana dan ketenangan belajar orang lain samada di kelas, perpustakaan, makmal dan kolej kediaman.

Pelajar-pelajar baru ini akan dibekalkan dengan buku catatan untuk mereka mencatat input yang mereka terima di dalam kumpulan masing-masing. Pengendalian kumpulan juga sangat bergantung kepada fasilitator yang dilantik mengikut kepakaran masing-masing untuk mengendalikan kumpulan yang dianggap sebagai satu keluarga dan kumpulan sokongan bagi para pelajar yang baru mendaftar di KUKTEM. Program RAKSI ini memberikan peluang kepada kakitangan bukan akademik untuk membantu para pelajar meskipun mereka bukanlah antara orang yang berada dekat dengan para pelajar seperti pensyarah dan pegawai-pegawai Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA). Kursus-kursus sampingan juga diadakan bagi membantu fasilitator-fasilitator ini untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam mengendalikan kumpulan masing-masing. Di antara bengkel yang dilaksanakan adalah bengkel pembangunan dan pemurnian modul RAKSI serta bengkel khusus untuk teknik-teknik pengendalian RAKSI yang dianjurkan oleh HEPA.

### **3. KEPUTUSAN KAJIAN RINGKAS BERKAITAN PANDANGAN PELAJAR TERHADAP PROGRAM RAKSI**

Satu kajian ringkas telah dijalankan ke atas para pelajar yang terlibat dengan program RAKSI baru-baru ini. Berikut adalah keputusan yang telah didapati melalui soal selidik ringkas yang dibuat oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni KUKTEM. Pada pandangan para peserta yang terlibat dengan RAKSI, seramai 66.3% pelajar yang terlibat dengan program yang dilaksanakan oleh KUKTEM ini bersetuju mengatakan bahawa RAKSI telah mencapai objektif yang ditetapkan manakala 33.7% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Bagi persoalan mengenai modul-modul yang digunakan dalam program RAKSI, 69.3% bersetuju mengatakan bahawa modul tersebut sangat bersesuaian untuk dijadikan panduan bagi para pelajar baru di KUKTEM. Namun begitu 30.6% tidak merasakan modul-modul yang telah dibina sesuai dan mengesyorkan untuk ditambahbaik bagi memenuhi dan menepati sasaran iaitu untuk pelajar baru di KUKTEM. Sebanyak 52.2% pelajar bersetuju bahawa fasilitator mereka telah membuat persediaan yang cukup sebelum perjumpaan RAKSI manakala sebanyak 47.8% pelajar pula merasakan sebaliknya. Selain itu, 59% pelajar merasakan wujudnya kerjasama yang bagus dapat dilihat di antara fasilitator staf dan fasilitator pelajar dalam mengendalikan kumpulan dalam program RAKSI ini. Namun begitu seramai 41% tidak bersetuju dan merasakan kerjasama antara fasilitator – fasilitator ini kurang berlaku. Ini kerana mungkin keserasian antara mereka yang dilantik tidak wujud kerana kebanyakan mereka kurang mengenali antara satu sama lain. Walaupun begitu, pihak HEPA memang keputusan ini sebagai satu peluang dan bukanlah ancaman kepada RAKSI. Ini kerana kebiasaannya para pelajar kurang berinteraksi dengan kakitangan bukan akademik terutamanya mereka yang bekerja di Pejabat Rektor, Pejabat Bendahari, Pejabat Pendaftar dan Pejabat Pengurusan Harta. Maka dengan wujudnya program seumpama ini, para pelajar dapat lebih

mengenali mereka seperti mana mereka mengenali kakitangan HEPA. Namun begitu, pelaksanaan program RAKSI tetap dapat dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan.

Bagi pandangan para pelajar mengenai pelaksanaan program RAKSI pada hari Selasa yang tidak mengganggu waktu belajar mereka kerana ianya dilaksanakan secara terancang iaitu pada setiap malam Selasa hanya seramai 34.2% yang bersetuju manakala 65.8% pula merasakan kurang bersetuju. Ini mungkin kerana mereka harus menyusun jadual belajar mereka dengan lebih teliti dan program ini dirasakan mengganggu waktu berlajar terutama sekiranya mereka berhadapan dengan kuiz atau peperiksaan pada keesokan harinya. Walaubagaimanapun, 72.7 peratus mengakui bahawa program RAKSI ini memberikan pelbagai input yang bagus dan berguna kepada mereka berbanding 27.2% yang tidak bersetuju dengan pandangan tersebut.

Program RAKSI ini juga berjaya mendekatkan diri para pelajar dengan rakan-rakan mereka yang baru di KUKTEM dengan peratusan sebanyak 74.5% bersetuju dan 25.4% tidak bersetuju program ini mendekatkan diri mereka dengan rakan-rakan baru. Ini mungkin berlaku sekiranya para pelajar tidak menghadiri perjumpaan program RAKSI dengan sepenuh hati kerana mungkin ketiadaan rakan-rakan yang mereka kenali dalam kumpulan tersebut. Sebanyak 63.9% pelajar yang merasakan keyakinan diri mereka dapat dipertingkatkan melalui program RAKSI manakala 36.1% tidak bersetuju dengan pandangan tersebut. Selain itu, sebanyak 75.7% pelajar merasakan program RAKSI ini perlu dikekalkan khusus untuk pelajar baru di KUKTEM pada masa akan datang. Namun 24.3% pula merasakan program ini tidak perlu dikekalkan. Dan bagi persoalan terakhir berkenaan pandangan mereka mengenai program RAKSI telah merubah cara hidup mereka sebagai seorang mahasiswa yang akan menamatkan pengajian di KUKTEM dengan kejayaan yang cemerlang, sebanyak 57.3% bersetuju manakala 42.7% pula tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

## **KESIMPULAN**

Program RAKSI ini bukanlah boleh dicanangkan sebagai satu program yang terbaik berbanding dengan program –program yang dijalankan seumpamanya di institut pengajian tinggi yang lain di Malaysia. Namun begitu pelaksanaan program ini telah memberikan impak yang positif kepada pelajar-pelajar baru di KUKTEM. Pendekatan yang dibuat ini menunjukkan bahawa penerapan nilai-nilai murni telahpun dilaksanakan oleh KUKTEM kepada semua pelajar terutamanya pelajar-pelajar baru sejak awal –awal kemasukan mereka ke institut pengajian tinggi. Dengan ini sedikit sebanyak pendedahan tentang kepentingan pengamalan nilai-nilai murni membantu para pelajar dalam kehidupan mereka sama ada di dalam kampus mahupun apabila memasuki alam pekerjaan nanti. Adalah diharapkan penghayatan nilai-nilai murni ini akan terus diamalkan oleh mereka apabila turun bersama-sama masyarakat yang memandang mahasiswa sebagai aset yang sangat penting kepada negara pada masa akan datang.

## **RUJUKAN**

---- Modul RAKSI, KUKTEM, terbitan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, KUKTEM. (2006)

--- Transforming Learning for Human Capital Development

[http://www.lowyat.net/v2/index2.php?option=com\\_content&do\\_pdf=1&id=550](http://www.lowyat.net/v2/index2.php?option=com_content&do_pdf=1&id=550). (dimuat turun pada 10 Mei 2006)

Aini Ahmad, Anita Abdul Rani, Haslinda Hashim dan Muhammad Nubli Abd Wahab,  
*Program Soft Skills Dan Klinik Soft Skills: Konsep Dan Kaedah Pelaksanaan Ke Arah Membentuk Sikap Graduan Berdaya Saing* (Kertas Prosiding dibentangkan di Seminar Sains, Teknologi dan Sains Sosial anjuran UITM di Kuantan, Mei 2006)

Fatmawati, L., Norrihan, S., Muhammad Nubli, A.W., Mansor, S. & Mohd Azam, M.A. (2005). *Moulding Soft Skills Module for KUKTEM*. Penerbit KUKTEM: Kuantan.

Haslinda Hashim, Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Zarina Mohd Ali,  
*Pembangunan Sahsiah Bersepadu, Konsep dan Pelaksanaannya di Kolej Kejuruteraan Universiti*. (Kertas Prosiding dibentangkan di Seminar Kursus Sokongan anjuran KUKUM di Langkawi, Nov 2006)

Haslinda Hashim, Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Zarina Mohd Ali,  
*Konsep Dan Pelaksanaan Soft Skills Di Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)* (Kertas Prosiding dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pengajian Umum anjuran UTM di JB, Jun 2006)



